

Pelabur AS minat tambah pelaburan

BH - 3 SEP 2000

Daripada **MIOR KAMARUL SHAHID**

CHICAGO: Rundingan antara pelabur Amerika Syarikat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam mencetuskan minat lebih besar pelabur negara itu untuk mengambil bahagian menjayakan matlamat Wawasan 2020.

Ketua perwakilan Amerika Syarikat, Ernest Z Bower, yang juga 'Presiden Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean, berkata pihaknya begitu yakin dengan penjelasan Dr Mahathir mengenai suasana pelaburan di Malaysia sejak 20 tahun lalu dan wawasan Perdana Menteri mengenai masa depan negara yang selari dengan matlamat Wawasan 2020.

Ini meningkatkan minat pelabur Amerika untuk mengambil bahagian cergas dalam pelaburan di Malaysia.

Menurutnya, pelabur Amerika Syarikat mengemukakan permintaan Dr Mahathir supaya pelabur kedua-dua negara mewujudkan hubungan lebih rapat.

"Permintaan kami ialah agar pelabur Amerika Syarikat diberi layanan sewajarnya. Kami mengharapkan kerajaan Malaysia memberi kepercayaan yang tinggi terhadap pelabur kami," katanya.

"Kami meminta Dr Mahathir agar Malaysia menjaga kepentingan pelabur Amerika yang mempunyai hubungan pelaburan dengan Malaysia dan mempunyai rekod perdagangan yang baik terutama dalam melatih rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pada masa ini ramai rakyat Malaysia yang bekerja dengan syarikat Amerika Syarikat bekerja dan dilatih di kilang syarikat pelabur negara itu di seluruh dunia. Langkah ini dapat mengatasi masalah ke-

kurangan pekerja mahir.

Beliau menyatakan demikian selepas mengetuai 10 pelabur dan ahli perniagaan Amerika Syarikat mengadakan rundingan dengan Dr Mahathir dan ahli perniagaan Malaysia di sini, semalam. Ahli Perniagaan Malaysia diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Proton Berhad, Tengku Tan Sri Mahallel Tengku Ariff.

Perbincangan itu diadakan sebaik Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah, tiba di sini untuk lawatan kerja tiga hari.

Antara syarikat Amerika Syarikat dalam rundingan dua jam itu ialah Motorola Inc, Chicago Bridge and Iron Company, 10 Best.Com, Caterpillar, Inc, Solectron Technology, Black and Veatch International dan Aetna International.

Bower berkata, pelabur Amerika Syarikat dan Malaysia sudah mengadakan

dialog sejak satu dekad lalu untuk mencari jalan meningkatkan persaingan dalam sektor perniagaan.

Syarikat Amerika Syarikat menganggap syarikat Malaysia sebagai rakan kongsi penting dalam bidang teknologi dan pelaburan.

Ini diperkukuhkan lagi dengan usaha Dr Mahathir yang berusaha meningkatkan prasarana untuk kemudahan pelaburan dan teknologi.

Menurut Bower, semalam saja, 10 pelabur terdiri daripada ketua pegawai operasi syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) mewakili sektor teknologi maklumat tiba di Malaysia untuk meninjau peluang pelaburan. Mereka yang mengetuai syarikat berasaskan teknologi intensifitu akan berada di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kedah meninjau peluang pelaburan dan mencari rakan kongsi untuk menjayakan projek usahasama.